

12 AUG 1998

SAYA TIDAK TERLIBAT DALAM KUTIPAN DERMA, KATA SANUSI

ALOR SETAR, 12 Ogos (Bernama) -- Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid hari ini menyatakan beliau tidak terlibat dalam kutipan derma untuk menerbitkan jurnal bertajuk "Mahathir Pemimpin Cemerlang."

Salah faham itu mungkin timbul kerana penerbit berkenaan menggunakan perutusan beliau yang sepatutnya dicetak dalam jurnal itu ketika mengutip derma, kata beliau kepada pemberita selepas mesyuarat mingguan Exco kerajaan negeri di Wisma Darul Aman di sini.

Sanusi berkata beliau memberi penjelasan itu ekoran pertanyaan dan rungutan yang diterimanya daripada beberapa pihak berhubung perkara itu.

Sementara itu Sanusi berkata kira-kira 500 imam di seluruh negeri ini akan dijemput untuk menyaksikan persembahan perdana teater bertajuk "Imam" di sini pada 1 Sept.

Beliau berkata pementasan itu adalah dengan kerjasama kerajaan negeri, Dewan Bahasa dan Pustaka, Yayasan Seni dan Badan Kebajikan Isteri-Isteri Wakil Rakyat Negeri Kedah.

Teater berasaskan novel "Imam" hasil karya Sasterawan Negara Datuk Abdullah Hussin itu dipentaskan di bawah arahan Zakaria Ariffin. Antara pelakornya ialah Zaidi Omar, Ahmad Yatim dan Sabree Yunus.

-- BERNAMA

MAN NMO